

**27 Mei 2009 (Rabu)**

## **Pulau Perhentian dicemari**

Oleh IRMAN HASHIM/utusanterengganu@utusan.com.my



**LONGGOKAN** sampah yang dikumpulkan di atas pelantar sebelum dikutip oleh kontraktor yang dilantik oleh pihak berkuasa tempatan di Pulau Perhentian, Besut, Terengganu.

BESUT 27 Mei - Pulau Perhentian merupakan salah satu 'syurga' pelancongan buat para penyelam menikmati keindahan alam di dasar laut negara ini. Bagaimanapun, keindahan dasar laut semakin tercemar ekoran sistem pembuangan sampah yang dilaksanakan di pulau berkenaan. Ini kerana proses pembuangan sampah tersebut melibatkan pengumpulan sampah di atas beberapa pelantar yang ditempatkan di laut sebelum dikutip oleh kontraktor yang dilantik oleh pihak berkuasa tempatan (PBT). Pengurus Projek Kesedaran Pemuliharaan Pulau (PIPA), Steven Lim berkata, kutipan yang dilakukan adakah tidak tepat pada waktunya sehingga sampah bertimbun di atas pelantar tersebut. "Apabila hujan atau laut bergelora, sampah tersebut akan jatuh ke dalam laut dan mencemari dasarnya. "Bayangkan betapa banyak sampah akan masuk ke dalam laut jika ia tidak dikutip lebih daripada dua atau tiga hari," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini. Beliau berkata, keadaan itu bukan sahaja mencemarkan keindahan alam semulajadi di Pulau Perhentian malah boleh menjadi ancaman pada hidupan laut. Jelasnya, setiap kali beliau mengendalikan beberapa program membersihkan dasar laut anjuran pelbagai agensi dan syarikat swasta, kesan pencemaran sampah itu boleh dilihat. "Selepas dianjurkan satu aktiviti pembersihan dasar laut, kita akan lihat sampah yang sama apabila aktiviti berkenaan diadakan sekali lagi. "Sampah-sampah itu merupakan sampah yang ditempatkan di atas pelantar tersebut," ujarnya.

Justeru, Steven meminta PBT berkaitan mencari pendekatan baru untuk memastikan keadaan itu tidak berlarutan. Seorang penyelam, Haris Awang, 40, ketika ditemui berkata, sampah sarap di dasar laut mencemar persekitaran yang indah di pulau berkenaan. "Lebih buruk pelantar tersebut ditempatkan kira-kira 20 meter dari tempat orang ramai melakukan aktiviti *snorkeling*." Ini akan memberi gambaran buruk kepada pengunjung terutama pelancong asing," katanya.

**27 Mei 2009 (Rabu)**

## **Kesedaran jaga alam sekitar rendah**



SALAH satu sudut pemandangan indah di Pulau Perhentian yang mampu menarik pelancong asing.

BESUT 27 Mei - Rakyat Terengganu masih tidak mempunyai kesedaran tinggi dalam menjaga dan memulihara alam sekitar. Pengarah Jabatan Taman Laut Negeri Terengganu, Bahrinah Bahrim (**gambar**) berkata, keadaan itu boleh dilihat berdasarkan sambutan terhadap beberapa kempen kesedaran yang dilakukan oleh beberapa agensi kerajaan termasuk jabatan tersebut.

"Saya dimaklumkan beberapa kempen kesedaran tidak mendapat sambutan meluas daripada penduduk. "Kempen-kempen tersebut hanya mendapat sambutan daripada orang yang sama sahaja," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Beliau memberitahu, pihaknya juga mengeluarkan notis amaran kepada nelayan supaya tidak menggunakan bubi untuk menangkap ikan. "Ini kerana penggunaan bubi mengancam hidupan laut kerana ia bukan sahaja menangkap ikan tetapi menyebabkan beberapa hidupan terancam seperti penyu terperangkap," ujarnya.

Beliau berkata, pihaknya akan menjalankan operasi untuk membanteras penggunaan bubi dalam tempoh terdekat ini. "Kita akan mengenakan tindakan undang-undang terhadap mereka yang masih menggunakan bubi kerana jabatan sebelum ini telah pun memaklumkan mengenai pengharaman alat menangkap ikan itu," katanya.

**27 Mei 2009 (Rabu)**

## **Penduduk perlu sokong projek Empangan Bengoh**

KUCHING 27 Mei - Penduduk daerah ini diminta menyokong projek pembinaan Empangan Bengoh bernilai RM350 juta yang bakal membekalkan air bersih kepada mereka. Ahli Parlimen Mambong, Datuk Dr. James Dawos Mamit berkata, empangan tersebut membekalkan air bersih untuk daerah Kuching dan daerah Bau. Menurutnya, kedua-dua kawasan tersebut telah mula mengalami masalah kekurangan bekalan air bersih ekoran populasi penduduk yang semakin meningkat. "Saya begitu berharap para penduduk di kawasan terbabit termasuk yang tinggal berhampiran dapat memberikan sokongan penuh

terhadap pelaksanaan projek tersebut," katanya pada majlis Perhimpunan Pra-Gawai di tapak empangan tersebut dekat sini baru-baru ini.

Empangan Bengoh adalah antara projek yang termasuk dalam peruntukan RM3.3 bilion disediakan dalam Bajet 2009 untuk Sarawak yang diumumkan oleh bekas Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan ketika itu, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Projek Empangan Bengoh dijangka siap dalam tempoh 40 bulan selepas penyerahan kontrak kepada kontraktor yang bertanggungjawab. Kerajaan negeri mahu projek itu dimulakan secepat mungkin bagi mengelak peningkatan kos pembinaan dan untuk menampung permintaan bekalan air bersih di Samarahan dan Kuching.

## **27 Mei 2009 (Rabu)**

### **Ekonomi menguncup**



**Dr. Zeti Akhtar Aziz pada sidang akhbar ketika mengumumkan prestasi ekonomi suku pertama 2009 di Bank Negara Malaysia, semalam.**

KUALA LUMPUR 27 Mei - Ekonomi Malaysia menguncup lebih teruk berbanding unjuran sebelumnya apabila Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku pertama 2009 berada di paras -6.2 berbanding 7.4 peratus pada tempoh yang sama tahun lalu berikutan krisis semasa ekonomi dunia terus berlarutan. Ini adalah penguncupan KDNK terburuk sejak suku keempat 1998 apabila ekonomi Malaysia terjerumus dalam kemelesetan ketika krisis kewangan Asia. KDNK pada waktu itu adalah -8.1 peratus. Keadaan semasa ini menimbulkan kebimbangan terhadap kemungkinan negara berdepan dengan kemelesetan yang teruk.

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz berkata, ekonomi negara dijangka mencatatkan penguncupan yang hampir sama pada suku kedua nanti. "Kita kian hampir dengan suku kedua 2009, kita hampir melengkapkan suku kedua. "Daripada apa yang dilihat eksport sektor dan permintaan bagi eksport masih lemah dan persekitaran ekonomi juga dalam keadaan mencabar. "Meskipun ada tanda-tanda pemulihan tetapi prestasi suku kedua nanti dijangka sama dengan suku pertama ini," katanya pada sidang akhbar ketika mengumumkan prestasi ekonomi suku pertama 2009 di Bank Negara Malaysia di sini hari ini.

Beliau berkata, ekonomi Malaysia akan memperlihatkan pemulihan yang ketara pada suku ketiga dan mencatatkan pertumbuhan positif menjelang suku keempat hasil pelaksanaan pelan rangsangan ekonomi dan rangsangan kewangan kepada sektor swasta yang dilaksanakan oleh bank pusat itu. Bagaimanapun, ia (prestasi kewangan) masih bergantung kepada faktor luaran dan domestik.

Beliau berkata, krisis ekonomi global itu telah menyebabkan kemerosotan ketara dalam permintaan akibat kemelesetan ekonomi yang teruk di negara-negara maju. Ditanya sama ada BNM sudah menjangkakan penguncutan ekonomi pada suku ini, Dr Zeti berkata: "Sebab itulah ketika mesyuarat Jawatankuasa Monetari pada Julai 2008, BNM membuat keputusan tidak menaikkan kadar faedah". Jelas beliau, keputusan berkenaan diambil selepas mengambil kira jangkaan berlaku kemerosotan pertumbuhan ekonomi akibat krisis ekonomi. "Cuma krisis ekonomi global yang berlaku terlalu panjang daripada jangkaan sehingga berlaku penurunan permintaan global, sekali gus menjadikan ekonomi domestik," tambah beliau.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas kemungkinan ekonomi Malaysia terus menguncup sepanjang tahun ini dengan mengambil kira ketidaktentuan ekonomi global. "Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan mengumumkan semakan semula unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) esok," katanya.

Pada pengumuman itu, Gabenor BNM berkata, penguncutan ekonomi Malaysia turut disumbangkan oleh penurunan besar dalam inventori khususnya dalam sektor pembuatan dan komoditi. Pelaburan tetap juga menyusut akibat sentimen perniagaan yang lemah namun perbelanjaan awam telah menyokong pertumbuhan. Kecuali sektor pembinaan, semua sektor ekonomi juga terjejas dengan sektor pembuatan mencatatkan penurunan besar sebanyak 17.6 peratus khususnya dalam industri berorientasikan eksport sebanyak 23.1 peratus dengan industri elektrik dan elektronik (E&E) menjunam sebanyak 41.1 peratus.

Pertumbuhan sektor perkhidmatan juga mendatar kerana ia berkaitan dengan sektor pembuatan. Sektor pembinaan pula mencatatkan pertumbuhan positif dengan 0.6 peratus disumbangkan oleh peningkatan pembinaan pejabat dan kediaman mewah. Dalam sektor luaran, lebih perdagangan kekal besar pada RM32.7 bilion disebabkan penguncutan import lebih besar daripada eksport. Penurunan import kasar yang lebih besar iaitu -28.9 peratus akibat kejatuhan eksport perkilangan dan diikuti oleh pelarasan inventori serta aktiviti pelaburan yang lebih lemah.

Aliran masuk kasar pelaburan langsung asing juga mencatatkan kadar sederhana kepada RM6.4 bilion pada suku pertama, mencerminkan aliran masuk modal ekuiti dan pengambilan pinjaman antara syarikat yang lebih rendah. Pelaburan luar negeri oleh syarikat-syarikat Malaysia mencatat aliran keluar bersih juga rendah sebanyak RM3 bilion. Bagaimanapun, sektor perbankan terus berdaya tahan, disokong permodalan yang kukuh dan kualiti kredit yang stabil. "Meskipun keuntungan menjadi sederhana disebabkan oleh keadaan ekonomi, kedudukan kewangan sistem perbankan terus teguh dan disokong oleh

mudah tunai yang mencukupi. "Sistem perbankan berada pada kedudukan yang baik untuk terus memenuhi keperluan pembiayaan ekonomi," katanya.

Pada akhir bulan Mac 2009, nisbah modal wajaran risiko (RWCR) bertambah kukuh kepada 13.4 peratus manakala nisbah modal teras (CCR) meningkat 0.9 mata kepada 11.5 peratus. Nisbah modal yang kukuh adalah hasil daripada usaha memperoleh modal oleh sebilangan institusi perbankan untuk meningkatkan kedudukan modal masing-masing. Sementara itu, modal berlebihan ialah sebanyak RM44.6 bilion. Keuntungan sebelum cukai berjumlah RM4.8 bilion pada suku pertama 2009 serta pulangan aset dan ekuiti purata berasaskan kadar tahunan masing-masing pada 1.7 peratus dan 19.9 peratus. Dr. Zeti berkata, kadar inflasi pada tahun ini pula dijangka pada purata 1.5 peratus dan dua peratus.

## **27 Mei 2009 (Rabu)**

### **Rencana - Elak isu biasiswa daripada jadi punca syak wasangka kaum**

PERSOALAN biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) saban tahun diperkatakan. Titik noktah isu ini nampaknya belum ditemui. Puncanya kerana ada sesetengah pihak cuba bangkit atas dasar kononnya untuk membela pelajar daripada kaum masing-masing yang berhak mendapat biasiswa JPA. Kita sudah membaca tuntutan ahli Kabinet tidak lama dulu yang meminta kaedah pemberian biasiswa JPA dibuat secara meritokrasi. Kelmarin ada cadangan daripada Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia supaya biasiswa kerajaan itu diberi kepada pelajar cemerlang dalam bidang akademik dan aktiviti kokurikulum. Tetapi ia mendapat reaksi berbeza daripada pihak lain. Kerana tumpuan pemimpin masyarakat negara ini hanya kepada pelajar cemerlang terutama yang mendapat deretan 'A' dalam sijil peperiksaan.

Pemikiran kita lebih banyak 'A' bermakna hebat dan bijaksana pelajar berkenaan. Dalam konteks pemberian biasiswa JPA, semua pihak kena lihat objektif asal pemberian bantuan kewangan untuk melanjutkan pelajaran kepada 'pelajar terpilih'. Jangan kita lupa kekecohan tahun lalu mengenai kuota agihan biasiswa 55 kepada Bumiputera dan 45 bukan Bumiputera. Pelbagai seruan meminta kerajaan mengkaji semula peningkatan jumlah biasiswa kepada bukan Melayu. Ada cadangan agar jangan dikurangkan biasiswa untuk orang Melayu tetapi peratusannya ditambah sesuai dengan komposisi kaum majoriti negara ini. Isu biasiswa JPA memang boleh menjadi sensitif kerana ia melibatkan kaum. Kita tentu faham bahawa tidak ada isu perkauman jika ia tidak membawa kepada ketidakadilan kepada kaum lain. Sebab itu jalan terbaik dan supaya tidak menimbulkan rasa tidak puas hati antara kaum, kuota biasiswa bagi Bumiputera perlu dikekalkan seperti dulu manakala bagi bukan Bumiputera dibuat melalui peruntukan baru. Kita tidak kisah kerajaan hendak menolong kaum lain tetapi hak Bumiputera tetap hak mereka seperti terkandung di dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

Kaum Bumiputera tidak akan menyokong dasar kerajaan yang tidak mempertahankan dasar Bumiputera. Jangan kita kompromi dalam soal pemberian biasiswa kepada pelajar Bumiputera. Peruntukan biasiswa baik berdasarkan meritokrasi atau kecemerlangan 9A boleh mendorong perasaan tidak puas hati Bumiputera kerana bimbang pengurangan bilangan pelajar kaum ini memperoleh biasiswa JPA akan meluaskan perbezaan bilangan profesional dengan kaum bukan Bumiputera. Kerajaan perlu tegas dan mempunyai pendirian yang kukuh. Formula lebih adil harus dirangka dengan mengambil kira komposisi Bumiputera dan bukan Bumiputera supaya agihan lebih adil dan memuaskan hati semua pihak. Hakikatnya biasiswa perlu diberi kepada mereka yang berkelayakan dan memerlukannya tanpa mengira kaum. Memang tidak dinafikan bahawa terdapat kaum bukan Bumiputera yang memerlukan tajaan biasiswa. Sebab, kemiskinan melibatkan semua kaum. Jadi, jika ada kelayakan dan keperluan, sudah tentu mereka harus diberi biasiswa. Kerajaan kena selesaikan masalah ini yang sekian lama menjadi punca perasaan tidak puas hati dan syak wasangka antara kaum di negara ini.

## **28 Mei 2009 (Khamis)**

### **Laporan PFKZ akan dikeluarkan sepenuhnya hari ini**

KUALA LUMPUR 28 Mei — Kerajaan telah memberi persetujuan supaya laporan audit projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) diumumkan secara penuh kepada orang awam, kata Menteri Pengangkutan Ong Tee Keat. "Saya bangga bahawa Perdana Menteri dan rakan Kabinet saya berkongsi aspirasi supaya kerajaan ini perlu telus dan menangani isu semasa secara langsung. "Menyembunyikan masalah itu bukan satu pilihan," kata Ong dalam blognya hari ini.

Ong berkata isu kontroversi PKFZ itu telah diperbesar-besarkan oleh pembangkang sejak beberapa tahun lepas dan mereka menggunakan isu itu sebagai modal politik mereka. - Bernama

## **29 Mei 2009 (Jumaat)**

### **Laporan awal runtuhan bangunan dibawa ke Kabinet**

Oleh ASSIM HASSAN dan YASMIN RAMAN jenayah@utusan.com.my



**Operasi mencari dan menyelamat berikut runtuhan bangunan Jaya Supermarket di Seksyen 14, Petaling Jaya yang masuk hari kedua diteruskan semalam sehingga penemuan dua lagi mayat mangsa, warga Indonesia yang terperangkap menjadikan angka empat orang yang diketahui terkorban setakat petang semalam**

KUALA LUMPUR 29 Mei - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan membentangkan satu kertas kerja berhubung tragedi runtuhan bangunan pusat beli belah Jaya Supermarket di Seksyen 14 di sini pada mesyuarat Kabinet akan datang. Menterinya, Datuk Kong Cho Ha berkata, pihaknya akan mencadangkan supaya satu pasukan siasatan khas dari pelbagai kementerian untuk menyiasat kejadian itu. Menurut beliau, kertas siasatan awal berhubung insiden itu sedang disiapkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) serta Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

"Pada mesyuarat Kabinet akan datang saya akan bentangkan satu kertas kerja berhubung kejadian ini kepada jemaah menteri dan mencadangkan supaya satu pasukan penyiasat khas melibatkan pelbagai kementerian dan agensi ditubuhkan," katanya ketika ditemui di tempat kejadian di sini hari ini. Semalam, dua buruh warga Indonesia maut, manakala lima lagi dikhuatiri tertimbas apabila bangunan pusat beli belah Jaya Supermarket setinggi enam tingkat di Seksyen 14 runtuh. Kejadian berlaku kira-kira pukul 4.45 petang ketika terdapat antara 20 hingga 30 pekerja asing sedang menjalankan kerja-kerja persediaan sebelum merobohkan salah satu blok bangunan itu.

Tambah beliau lagi, pemilik bangunan ada membuat permohonan untuk membangunkan semula bangunan yang dibina sejak tahun 1974 itu. Katanya, bagaimanapun pemilik bangunan telah memperolehi kelulusan pada Julai 2007 daripada MBPJ serta kebenaran untuk membangunkan semula bangunan itu. "Mengikut Standard Operating Procedure (SOP), semua kontraktor perlu mengikuti akta dan undang-undang sedia ada yang didaftarkan di bawah CIDB," katanya.

Selain itu, katanya, CIDB perlu menjalankan siasatan sama ada penggunaan jentera berat pada masa kejadian adalah bersesuaian ataupun tidak. Katanya, CIDB pelu mengambil tindakan susulan dengan segera. "Dalam perkara ini, pihak berkuasa tempatan perlu memberi penerangan berhubung aspek pemberian kelulusan dan pemantauan mereka, tambah Cho Ha.

Sementara itu, beliau berkata, keadaan lokasi runtuhan juga dilihat tidak stabil dan menghalang kerja-kerja menyelamat serta mengeluarkan mangsa di samping terpaksa meminimumkan penggunaan jentera berat untuk mengeluarkan bekas runtuhan. Katanya, kementerian pada peringkat ini lebih memfokuskan kepada usaha dan mencari mangsa yang tertimbas.

**29 Mei 2009 (Jumaat)**

## **Laporan audit PKFZ diserah pada SPRM**

Oleh SITI MAISARAH SHEIKH ABD RAHIM pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 29 Mei - Pengerusi Pihak berkuasa Pelabuhan Klang (PKA), Datuk Lee Hwa Beng hari ini menyerahkan laporan audit projek pembangunan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menjalankan siasatan. Menurutnya, laporan audit itu juga akan diserahkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) seperti yang diarahkan oleh Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat semalam. "PKA tidak ada kuasa untuk menjalankan siasatan, jadi kami serahkan kepada SPRM dan PAC. "PKA akan bekerjasama rapat dengan SPRM sepanjang siasatan dijalankan. Selepas ini saya akan serahkan pula laporan kepada Pengerusi PAC, Tan Sri Azmi Khalid tetapi masanya belum ditentukan lagi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan laporan itu yang diterima oleh Pegawai Pengurusan Maklumat, Bahagian Pendaftaran Rahsia, SPRM, Haryazi Baharom di Ibu Pejabat SPRM di sini hari ini. Beliau sebelum itu bertemu Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Abu Kassim Mohamed kira-kira 10 minit bagi memberikan beberapa penjelasan. Hub perkapalan PKFZ seluas 405 hektar yang meliputi gudang, bangunan pejabat dan hotel bertaraf empat bintang menimbulkan kontroversi berhubung kos pembangunan tersebut meningkat daripada kos asal yang diluluskan kerajaan.

Hwa Beng berkata, beliau telah menyatakan kesediaan PKA untuk bekerjasama dengan SPRM dengan mendedahkan segala dokumen termasuk perkhidmatan PriceWaterhouseCoopers (PwC) dalam menjalankan audit supaya mereka turut memberikan kerjasama. Mengenai arahan Tee Keat supaya merujuk kepada penasihat profesional bagi menstruktur semula tanggungjawab kewangan PKA terhadap PKFZ, beliau memberitahu, PKA akan mengumpulkan kumpulan profesional untuk melihat semua dokumen perjanjian. "Kumpulan profesional ini terdiri daripada peguam dan akauntan yang akan dilantik daripada pihak luar," katanya.

Mengulas lanjut, Hwa Beng bagaimanapun berkata, PKA tidak bercadang mengambil tindakan disiplin terhadap mereka yang disenaraikan dalam laporan itu sebelum siasatan SPRM selesai. "Kita perlu menunggu keputusan dan tindakan daripada SPRM terlebih dahulu jika terdapat staf kami terlibat dalam salah laku tersebut," katanya.

**29 Mei 2009 (Jumaat)**

## **Kementerian akan teruskan pembangunan PKFZ**

SHAH ALAM 29 Mei - Kementerian Pengangkutan akan tetap meneruskan pembangunan di Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) walaupun dilaporkan wujud kelemahan serta konflik dari segi tadbir urus oleh syarikat juruaudit, PricewaterhouseCoopers Advisory Services Sdn. Bhd. (PwC). Menterinya, Datuk Seri Ong Tee Keat berkata, keputusan itu merupakan pandangan peribadi beliau yang merasakan projek berkenaan harus dilaksanakan atas dasar kepentingan rakyat secara keseluruhan. Ini kerana katanya, projek berkenaan menggunakan peruntukan melibatkan wang rakyat melalui pinjaman mudah (soft loan). "Secara optimisnya melalui pandangan peribadi serta berdasarkan pemerhatian dan kajian yang dilakukan oleh pihak-pihak berkenaan termasuk pelabur berpotensi, saya rasa rakyat percaya ia (PKFZ) adalah projek yang berdaya maju. "Dan kita perlu lakukan untuk kepentingan rakyat kerana projek ini melibatkan pinjaman mudah, maknanya menggunakan wang rakyat. "Apa yang saya cakap ini bukan untuk populariti tetapi untuk kepentingan rakyat. Saya mungkin pertaruhkan kerjaya politik saya dalam hal ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Penasihat DAP, Lim Kit Siang hari ini yang mahu kerajaan supaya menjual PKFZ sebagai satu langkah untuk mengatasi masalah kerugian yang membebani Pihak Berkuasa Pelabuhan Klang (PKA). Semalam, PwC telah mengeluarkan laporan mengenai PKFZ dan sekaligus mendedahkan wujud konflik kepentingan, kelemahan urus tadbir dan pengurusan sebagai punca utama PKFZ mengalami pelbagai masalah. Dalam laporan itu, terdapat beberapa perkara yang didedahkan antaranya ialah wujud beberapa pihak yang pernah mempunyai kepentingan dalam pemilikan tanah seluas 404 hektar yang menjadi tapak PKFZ, turut mempunyai kepentingan dalam syarikat yang menjual tanah terbabit kepada PKA, Kuala Dimensi Sdn. Bhd. (KDSB). Selain itu, laporan itu turut menyatakan beberapa kelemahan pentadbiran dalam urusan pembelian tanah dan pembangunan di antara PKA dengan KDSB.

Walaupun Kabinet meluluskan pembelian tapak bagi pembangunan PKFZ, surat perintah pembangunan serta perjanjian sampingan selain perjanjian kerja tambahan antara PKA dan KDSB tidak dikemukakan untuk mendapatkan kelulusan Kabinet. PKA dan Kementerian Kewangan juga didapati gagal memaklumkan kepada Kabinet mengenai ketidakupayaan PKA membiayai projek PKFZ, sebaliknya PKA memburukkan keadaan dengan menandatangi beberapa perjanjian pembangunan baru. Dalam pada itu, Tee Keat turut memberitahu, ekoran laporan PwC itu, laporan terhadap Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam (PAC) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah pun dibuat. Bagaimanapun katanya, selepas kedua-dua laporan (SPRM dan PAC) dibuat, PKA perlu melantik perunding kewangan dan perundangan bagi membolehkan masalah itu diatasi dan seterusnya merangka tindakan baru bagi melaksanakan semula pembangunan dan operasi PKFZ.

**29 Mei 2009 (Jumaat)**

**Kerajaan susun semula pengurusan**

KUALA LUMPUR 29 Mei - Kerajaan sedang dalam proses menyusun semula pengurusan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) dan anak syarikatnya, Port Klang Free Zone Sdn. Bhd. setelah laporan audit mendedahkan kelemahan urus tadbir sebagai punca projek pembangunan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) dirundung pelbagai masalah. Kementerian Pengangkutan dalam kenyataannya di sini hari ini berkata, selaras dengan laporan PricewaterhouseCoopers Advisory Services (PwC) Sdn. Bhd. yang telah didedahkan kepada umum semalam, pihaknya akan menstrukturkan semula kewangan LPK dan PKFZ serta menyelesaikan segala isu yang timbul menggunakan saluran perundangan.

"Langkah ini diambil kerana kerajaan berkongsi kebimbangan rakyat Malaysia tentang peningkatan kos, kelemahan urus tadbir dan pengurusan PKFZ seperti yang telah didedahkan di dalam laporan audit terbabit. "Tindakan ini juga menunjukkan kerajaan memang berhasrat mengubah pengurusan cara lama kepada corak pentadbiran lebih terbuka dan telus selaras dengan gagasan yang dibawa oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak iaitu Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan," kata kenyataan itu.

Hab muatan dan pemindahan kapal PKFZ milik LPK seluas 405 hektar yang menempatkan gudang, blok pejabat dan hotel bertaraf empat bintang diselubungi kontroversi selepas beberapa pihak mendedahkan bahawa kos pembangunannya melambung tinggi daripada nilai asalnya yang kurang daripada RM2.5 bilion meningkat kepada RM4.6 bilion. Menurut kenyataan itu, langkah pembetulan yang sedang dilakukan kerajaan akan membolehkan PKFZ berdaya maju pada jangka masa panjang sejajar dengan objektif asal projek tersebut untuk menjadikan Pelabuhan Klang sebagai hab muatan dan pemindahan kapal serantau. Dalam pada itu, kenyataan itu menyebut, tindakan mendedahkan laporan audit berkenaan semalam akan menghentikan spekulasi berhubung isu PKFZ.

"Kabinet berpandangan bahawa adalah penting agar rakyat Malaysia mendapat laporan tentang urutan peristiwa yang membawa kepada kedudukan terkini PKFZ. "Terbitan laporan tersebut kepada awam menunjukkan komitmen kerajaan untuk menjadi telus dan komited dalam mengurangkan bebanan pembayar cukai,' ujarnya.

## **29 Mei 2009 (Jumaat)**

### **BN Selangor tiada kepentingan dalam PKFZ - Khir**

SHAH ALAM, 29 Mei (Bernama) — Kerajaan Barisan Nasional (BN) di Selangor tidak mempunyai kepentingan dalam projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) yang membabitkan kos awal sebanyak RM1.85 bilion, kata bekas Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo. Malah, katanya pelantikan Datuk Abdul Rahman Palil sebagai Penggerusi Koperasi Pembangunan Pulau Lumut (KPPL) iaitu pemilik tapak projek PKFZ, bukan dibuat atas kapasiti beliau sebagai Exco Negeri ketika itu.

Sebaliknya, Dr Mohamad Khir berkata Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Sementara dilantik sebagai Pengurus oleh KPPL yang mempunyai kira-kira 2,500 ahli dan sebahagian besarnya nelayan. "Pengambilan tanah dan penjualan tanah untuk tapak PKFZ tiada kaitan secara langsung dengan kerajaan negeri. Malah isu ini tidak pernah dibincangkan dalam mesyuarat Exco ketika itu," kata beliau kepada pemberita di sini, hari ini.

Dr Mohamad Khir berkata kerajaan negeri memberikan tanah itu kepada KPPL selepas dimohon antara 1995 dan 1997 dan KPPL mengadakan kerjasama membangunkan tanah itu dengan Kumpulan Dimensi Sdn Bhd (KDSB).

## 30 Mei 2009 (Sabtu)

### Kemas Sabah diperuntuk RM60j

Oleh HAMDEN RAMLI [utusansabah@utusan.com.my](mailto:utusansabah@utusan.com.my)



MOHD. Shafie Apdal (duduk) bertanya sesuatu kepada pelajar Tabika Kemas Kampung Terusan di Sekolah Kebangsaan Terusan, Pulau Bum-Bum, Semporna, semalam. - MINGGUAN/GHAZALI BASRI

SEMPORNA 30 Mei - Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM60.3 juta kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (Kemas) negeri Sabah bagi melaksanakan program serta projek pembangunan di seluruh negeri ini di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd. Shafie Afdal berkata, peruntukan itu meliputi pembinaan 10 tadika baru dan menaik taraf taman bimbingan kanak-kanak (tabika) sedia ada yang akan dilaksanakan tahun ini. Katanya, dua projek baru yang akan dilaksanakan di kawasan Parlimen Semporna ialah pembinaan Medan Info Desa (MID) membabitkan kos RM500,000. "Diharapkan dengan adanya program Kemas ini akan dapat meniup angin perubahan dan menjadi pemangkin kepada masyarakat setempat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan program mesra rakyat Semporna di Kampung Terusan Pulau Bum-Bum, di sini hari ini. Hadir sama, Ketua Pengarah Kemas, Datuk Abdul Puhat Mat Nayan dan Ahli Dewan Undangan Negeri Bugaya, Ramli Marhaban. Shafie yang juga Ahli Parlimen Semporna berkata, Kemas juga merancang membina asrama Pusat Kegiatan Masyarakat membabitkan peruntukan RM2 juta serta menaik taraf Tabika Bugaya kepada Tabika Permata. Sehingga kini, katanya, terdapat 816 buah tabika Kemas beroperasi di seluruh Sabah melibatkan 828 guru.

Beliau menambah, kerajaan akan memastikan pembinaan tabika Kemas di luar bandar mampu memberi pendidikan awal kepada kanak-kanak agar tidak tercincir dalam arus pendidikan negara. Sementara itu, ditanya mengenai status cadangan pembinaan jambatan menghubungkan Pulau Bum-Bum dengan pekan Semporna, beliau berkata, projek tersebut terpaksa ditangguh kerana kegawatan ekonomi global. "Namun saya berjanji perkara ini akan mendapat keutamaan apabila keadaan ekonomi kembali pulih," katanya.

## 31 Mei 2009 (Ahad)

### Larang merokok semua kawasan



KERAJAAN bakal melarang orang awam merokok di kawasan seperti lobi hotel di sekitar ibu kota Kuala Lumpur.

KUALA LUMPUR 31 Mei - Semua tempat awam perlu dijadikan kawasan larangan merokok jika kerajaan serius terhadap masalah kesihatan berpunca daripada merokok. Setiausaha Agung Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), **Datuk Dr. Maamor Osman** berkata, larangan merokok yang dihadkan di kawasan tertentu berhawa dingin jelas tidak mampu mengubah sikap orang ramai untuk berhenti merokok. "Oleh itu saya mencadangkan kerajaan menguatkuasakan larangan merokok di semua tempat awam kecuali di rumah perokok itu sendiri," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Baru-baru ini, kerajaan mengumumkan dua lagi zon larangan merokok yang akan diwartakan tidak lama lagi sekali gus menjadikan 22 zon larangan merokok di seluruh negara. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, zon larangan terbaru yang masih di peringkat perbincangan itu bakal meliputi semua tempat kerja yang mempunyai sistem pendingin hawa berpusat dan lobi-lobi hotel. Jelas Tiong Lai, pertambahan zon larangan itu dilihat amat perlu bagi melindungi kepentingan kesihatan orang ramai terutama yang tidak merokok akibat terhidu asap rokok. Dalam hubungan ini, Maamor berkata, langkah Kementerian Kesihatan memperkenalkan zon baru larangan merokok itu adalah tepat kerana merokok boleh mendatangkan kemudaratannya amat dahsyat.

"Asap rokok tidak boleh dihapuskan dan ia akan pergi ke merata-rata tempat sekali gus memberi kesan kepada orang yang terdedah kepadanya," ujar beliau.

Beliau turut mencadangkan kerajaan mengambil tindakan terhadap pengiklan yang menonjolkan kebaikan merokok kepada orang awam. "Iklan yang menjadi tatapan umum hendaklah menyajikan maklumat

## **31 Mei 2009 (Ahad)**

### **Mekanisme pantau Pelan Pendidikan Sekolah Berasrama Penuh**

PUTRAJAYA 31 Mei - Satu mekanisme pemantauan yang berkesan perlu diwujudkan agar garis panduan dalam Pelan Pendidikan Sekolah Berasrama Penuh (PPSBP) dapat direalisasikan dengan sebaik mungkin. Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, ini kerana menyediakan garis panduan sahaja adalah tidak mencukupi untuk menjana kecemerlangan sesebuah sekolah berasrama penuh (SBP).

Beliau yang juga Menteri Pelajaran berkata, langkah itu juga adalah penting agar SBP dapat terus menjadi model untuk kecemerlangan secara menyeluruh. "Saya berharap agar Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kluster dapat menyediakan mekanisme pemantauan berdasarkan garis panduan dalam PPSBP. "Bahagian itu juga dapat menyediakan Laporan Kemajuan untuk bahagian dan semua SBP yang boleh digunakan sebagai Indeks Petunjuk Prestasi (KPI)," katanya.

Beliau berucap merasmikan Majlis Anugerah Cemerlang SBP Ke-36 dan Pelancaran Buku PPSBP 2008-2015 di sini, hari ini. Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian, Tan Sri Dr. Zulkurnain Awang dan Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Alimuddin Mohd. Dom. Pelan PPSBP 2008-2015 itu bertujuan menjana kecemerlangan SBP dengan lebih terancang lagi.

Pada majlis itu, Kolej Tunku Khursiah, Negeri Sembilan memenangi Anugerah SBP Cemerlang Keseluruhan 2008 manakala Sekolah Menengah Sains Kuching, Sarawak menerima Anugerah Khas Asrama Terbilang. Seramai 1,900 peserta terdiri daripada pengetua, guru dan pelajar dari 55 buah SBP seluruh negara menyertai Hari Kecemerlangan SBP ke-36 yang berlangsung enam hari bermula 28 Mei lalu.

Muhyiddin menambah, langkah pemantauan itu memerlukan kerjasama bahagian-bahagian lain dalam kementerian bagi memastikan usaha menjana kecemerlangan di SBP dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. "Saya pasti langkah pemantauan SBP di seluruh negara memerlukan kerjasama bahagian lain di kementerian, terutamanya Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti serta Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan," katanya.